



KHUTBAH SEMPENA TAHUN BARU MASIHI 2020

“MERENUNGI HAKIKAT UMUR”

(3 Januari 2020/ 7 Jamadilawal 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى،
يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا وَهُوَ الرَّحِيمُ
الْغَفُورُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْهَادِينَ لِلصَّوَابِ وَعَلَى التَّابِعِينَ
لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْمَآبِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَتَّى تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan, Bersama-samalah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Sesungguhnya takwa itu asas kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat. Wahai orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan jangan kamu mati melainkan di dalam Islam, semoga kita mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Pada awal tahun baru 2020 ini, marilah kita hayati khutbah yang bertajuk, ”**Merenungi Hakikat Umur**”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Setiap tahun, kita melihat ramai manusia menjadikan agenda menyambut tahun baru seolah-olah acara tahunan yang wajib diraikan dengan pelbagai pengisian. Anak-anak muda tidak sabar menunggu detik jam 12 tengah malam yang sebelumnya dihiburkan dengan nyanyian dan tarian. Mereka rela bersengkang mata hanya untuk menzahirkan rasa teruja melihat percikan bunga api di udara.

Rasa bahagia terhadap detik dan saat tersebut adalah sesuatu yang bersifat manusiawi. Namun apakah di sisi Islam, tahun baru wajar disambut sedemikian rupa?

Sidang Jumaat *Rahimakumullah,*

Waktu adalah sebuah anugerah. Hayat manusia pada hakikatnya di pinjamkan di dunia untuk mencapai tujuan-tujuan akhirat. Dalam Islam kehidupan dunia adalah ladang untuk menyemai benih dan hasilnya dikecapi di akhirat kelak. Lantaran itulah waktu dunia disifatkan sebagai sementara, sedangkan waktu di akhirat adalah kekal abadi. Sepertimana al-

Quran melukiskan kehidupan dunia dengan istilah “**tempat permainan**” belaka. Firman Allah dalam surah al-Ankabut ayat 64:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).*

Ungkapan “**kehidupan dunia ini merupakan permainan**” tidaklah bererti kita perlu bermain-main dan bebas berbuat apa sahaja. Ayat tersebut menggambarkan bahawa kehidupan di dunia adalah tidak kekal dan penuh dengan tipu daya. Maka seorang mukmin yang benar-benar beriman harus lebih banyak mencurahkan perhatian kepada Kehidupan akhirat berbanding dunia.

Justeru, apa yang perlu kita lakukan untuk menambah kualiti hidup? Al-Quran telah jelas menyebut tujuan diciptakan manusia adalah untuk mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”* (Surah Adz-Dzariyat: 56)

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Allah tidak menciptakan jin dan manusia untuk suatu manfaat yang kembali kepada Allah. Bahkan manusia dicipta untuk beribadah kepada-Nya dan ibadah itu sangat bermanfaat untuk diri manusia itu sendiri.

Pengertian ibadah itu sangat luas. Tidak sekadar ritual kepada Allah (seperti solat, puasa, haji atau sebagainya) tetapi turut meliputi kebaikan-kebaikan yang membawa kemaslahatan bagi orang lain.

Mengisi umur ketika hidup di dunia ini menjadi sangat penting kerana waktu terus berjalan, dan tidak akan berulang kembali. Manusia dituntut untuk memaksimumkan kesempatan yang diberikan dengan amalan- amalan yang baik dan berfaedah supaya tidak menyesal kemudian hari. Orang yang

menyesal pada hari akhirat digambarkan oleh al-Quran seolah-olah meminta-minta kembali ke dunia untuk memperbaiki perilakunya.

Firman Allah dalam surah al-Mukminun ayat 99-100:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ. لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا
كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ.

Maksudnya: *“Kesudahan golongan yang kufur ingkar itu apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara mereka, berkatalah ia: Wahai Tuhanku, kembalikanlah daku (hidup semula di dunia) supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan. Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang dia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)”.*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Imam al-Ghazali rahimahullah mengatakan, ketika seseorang disibukkan dengan hal-hal yang tidak bermanfaat dalam kehidupannya di dunia, maka sesungguhnya ia sedang menghampiri suatu kerugian yang besar.

Sebagaimana disebut dalam hadis yang diambil dari kitab ***Ayyuhal Walad*** yang bermaksud:

"Pertanda bahwa Allah SWT sedang berpaling dari hamba adalah disibukkannya hamba tersebut dengan hal-hal yang tidak berfaedah. Dan satu saat saja yang seseorang menghabiskan tanpa ibadah, maka ia menerima kerugian berpanjangan."

Dari penjelasan ini, wajar untuk kita fikirkan semula hakikat perayaan tahun baru di awal khutbah tadi. Keseronokan menyambut tahun baru sepatutnya diarahkan kepada menzahirkan rasa syukur kerana masih dipanjangkan usia, bukan membesarkan rasa bangga atas tahun baru itu sendiri.

Ayuh kita ambil peluang dan ruang atas sisa usia yang masih berbaki ini. Kenanglah masa yang telah ditinggalkan, kita tambah apa yang kurang dan baiki yang belum sempurna. Tahun baru sewajarnya dijadikan satu kesempatan untuk melakukan ***muhasabah*** dan ***islah*** (penambahbaikan).

Sidang Jumaat Sekalian,

Mengakhiri khutbah, marilah sama-sama kita renungi kata-kata Syeikh

Ahmad Ibni 'Athailah as-Sakandari dalam *Hikamnya* iaitu:

رُبَّ عُمُرٍ اتَّسَعَتْ أَمَادُهُ وَقَلَّتْ أَمْدَادُهُ، وَرُبَّ عُمُرٍ قَلِيلَةٌ أَمَادُهُ كَثِيرَةٌ أَمْدَادُهُ.

Maksudnya: "Kadangkala umur berlangsung panjang namun manfaat kurang. Kadangkala pula umur berlangsung pendek namun manfaat melimpah".

Semoga kita menjadi orang yang mampu menunaikan sisa usia kita dengan sebijak-bijaknya dan terhindar dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Amiin. *Wallahu a'lamu bishawab.*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ. إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

(Bulan Januari 2020)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan akhirat. Caranya ialah dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf**.

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonsepkan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakilkan kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Di samping itu, mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang Bil 3/2018 bertarikh 22 November 2018 telah memutuskan bahawa **10%** daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid, hendaklah disalurkan secara bulanan kepada **Tabung Wakaf Sumbangan Masjid** yang telah ditubuhkan. Maka adalah menjadi tanggungjawab seluruh jawatankuasa kariah untuk melaksanakan amanah ini dengan sempurna.

Mengengkari arahan ini akan menyebabkan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut **Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (NEGERI PULAU PINANG) 1996**. Seksyen ini

memperuntukkan bahawa: “*Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.*”

Justeru marilah kita infaqkan sedikit rezeki yang ada. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:
صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ. ﴿رَوَاهُ مُسْلِمٌ﴾

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”. (Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad ﷺ wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا التَّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, kami mohon kehadiran-Mu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah, dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefardhuan yang lain. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin, serta mereka yang menginfakkan harta untuk **Dana Wakaf Pulau Pinang** dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke akhir hayat.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كباوه دولي يغ مها موليا
سري فادوك باكيندا يغ دفرتوان اكوغ ك-انم بلس، السلطان عبد الله رعاية الدين
المصطفى بالله شاه ابن المرحوم سلطان حاج احمد شاه المستعين بالله، وكذلك
مولانا توان يغ تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عباس
يغ دفرتوا نكري فولاو فينغ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَيَّ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.